

'Penyebarkan fitnah beruk sarkas'

BH - 7/8/2006

Khairy kesal kerana terpaksa jawab isu remeh mengenai rumah tangganya

Oleh Wan Jailani Razak
dan Ahmad Naim Tahir

PELABUHAN KLANG: Naib Ketua Pemuda Umno, Khairy Jamaluddin menyifatkan penyebarkan fitnah terhadap dirinya sebagai 'beruk yang menyebabkan pokok bergoyang' yang sengaja mencipta tohmahan untuk memusnahkan karier politiknya.

Beliau berkata, ia adalah jawapan kepada mereka yang masih sangsi dengan penjelasan berhubung tohmahan mengaitkan beliau dengan seorang artis tempatan, Maya Karin dan pelbagai fitnah lain.

"Selepas saya bagi penjelasan di Kelantan, ada juga yang tak puas hati. Ada ketua pemuda bahagian datang bertanyakan mengenai kandungan khidmat pesanan ringkas (SMS) yang diterima isteri keduanya menyatakan 'kalau tak ada angin bertiup, takkan pokok bergoyang'.

"Susah juga nak jawab. Maknanya, kalau ada fitnah, mesti ada kebenaran sikit. Saya boleh nafi saya tidak kahwin dua dan tak ada

hubungan dengan Maya Karin tetapi apabila berdepan keadaan 'kalau tak ada angin bertiup, takkan pokok bergoyang', saya kena fikir betul-betul.

"Saya teringat kadang-kadang kita tengok pokok bergoyang juga walaupun tidak ada angin. Rupa-rupanya di bawah ada beruk duduk menggoyangkan pokok itu," katanya sambil menerima sorakan daripada lebih 500 perwakilan pada Persidangan Perwakilan Pemuda Umno bahagian Klang, di sini malam semalam.

Beliau juga mempersoalkan sumbangan 'beruk sarkas' itu kepada perjuangan Umno ketika ramai ahli dan pemimpin parti bertungkus-lumus berjuang menegakkan agama, bangsa dan negara.

Khairy yang kesal kerana terpaksa menjawab isu remeh mengenai rumah tangganya dalam forum Umno berkata, ia sepatutnya dijadikan medan untuk menjelaskan isu semasa negara dan global.

"Apalah salah saya jadi menantu kepada Perdana Menteri (Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi). Apakah

salah saya menyumbang kepada parti.

"Walaupun bapa mentua saya pemimpin Umno, salahkah saya menyumbang dalam parti. Saya boleh goyang kaki di rumah tetapi saya sudah buat pilihan tidak mahu ber-

“Walaupun bapa mentua saya pemimpin Umno, salahkah saya menyumbang dalam parti. Saya boleh goyang kaki di rumah tetapi saya sudah buat pilihan tidak mahu berdiam diri”

Khairy Jamaluddin
Naib Ketua Pemuda Umno

diam diri.

"Saya mahu bersama saudara berjuang untuk agama, bangsa dan negara. Salahkah..." katanya sambil menerima laungan 'Tak Salah' dan 'Hidup KJ' daripada perwakilan.

Di REMBAU, Khairy berkata penjelasan yang diberikannya sebelum ini sudah mencukupi dan tidak perlu diulangi dan berharap ahli pergerakan itu dapat menerima dan memahaminya.

"Perkara yang dibangkitkan pihak tertentu sudah jadi buat mulut ahli Pemuda... saya terpaksa jawab. Dalangnya saya tak tahu siapa atau dari mana tohmahan itu datang.

"Saya rasa cukuplah penjelasan mengenai peribadi saya. Sekarang, saya nak tumpukan kepada perjuangan Pemuda dan gerak kerja kita. Penjelasan yang diberikan sudah cukup jelas dan kini kita tumpukan kepada perkara lebih penting," katanya.

Beliau berkata demikian selepas perasmian serentak mesyuarat Wanita, Pemuda dan Puteri Umno bahagian Rembau yang disempurnakan Menteri Besar, Datuk Seri Mo-

hamad Hasan semalam.

Khairy yang juga Ketua Pemuda Umno Rembau, bagaimanapun berkata beliau akan terus memberikan penjelasan yang perlu pada mesyuarat Pemuda bahagian yang dirasmikannya selepas ini.

"Selagi saya masih ada tugas sebagai Naib Ketua Pemuda, saya akan dengar pendapat akar umbi kerana mereka yang memberikan saya mandat ini, bukan orang lain," katanya.

Ditanya sama ada penjelasannya itu memuaskan hati pihak yang membuat tuduhan, Khairy berkata, beliau berbuat demikian bukan untuk memuaskan hati pihak berkenaan.

"Sama ada mereka terima penjelasan tak penting... yang penting adalah untuk ahli Pemuda menerimanya. Bukan saya nak memuaskan hati mereka yang membuat tuduhan," katanya.

Mengenai perasaannya ketika mendengar semua tuduhan, Khairy berkata, ia adalah asam garam politik dan beliau sudah bersedia menghadapinya ketika membuat keputusan bergiat dalam politik.